



TERBITAN
147

2025
28 FEB

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Temu bual bersama Noor Hisham: Revolusi Digital dalam Penjagaan Kesihatan Telah Tiba di Malaysia

Dato' Dr Ooi Kee Beng

SIDANG REDAKSI

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Fazil Irwan Som

Penolong Penyunting:
Rahida Aini

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik pengarang.

Segala fakta dan pendapat adalah di bawah tanggungjawab pengarang. Pandangan dan tafsiran pengarang tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini adalah dengan izin pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

DUA era berbeza, satu perjuangan yang sama —Dr. Wu Lien-Teh dan Dr. Noor Hisham Abdullah adalah wajah kesihatan awam. Kedua-duanya memainkan peranan penting dalam menangani wabak yang mengancam negara, menggunakan kepakaran perubatan dan langkah-langkah kesihatan awam bagi melindungi rakyat. Pada 12 Mac 2022, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, mantan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, telah dianugerahkan Anugerah Kepimpinan Kesihatan Awam Dr. Wu Lien-Teh yang pertama oleh Persatuan Dr. Wu Lien-Teh. Penghargaan ini diberikan atas kepimpinan beliau dalam sektor kesihatan semasa pandemik Covid-19 dan usaha beliau dalam merevolusikan pendekatan baharu bagi pembangunan ubat yang mampu milik untuk menghapuskan Hepatitis C.

Dalam majlis yang berlangsung di Penang Institute, beliau menyampaikan syarahan umum bertajuk “Menghadapi Ribut Omicron – Adakah Malaysia Bersedia?”, sebagai edisi ke-6 Syarahan Umum Dr. Wu Lien-Teh, yang dianjurkan bersama oleh Penang Institute dan Persatuan Dr. Wu Lien-Teh. Pengarah

Eksekutif Penang Institute, Dato' Dr Ooi Kee Beng (OKB) tidak mensia-siakan kesempatan ini lalu telah menemuramah Tan Sri Dr Noor Hisham (NH) bagi mendapatkan input beliau mengenai situasi kesihatan di Malaysia.

Perjalanan Kepimpinan Ketika Pandemik

Ooi Kee Beng (OKB): Selamat datang ke Penang Institute, Tan Sri Dr. Noor Hisham, dan tahniah atas anugerah yang sangat layak anda terima. Bagaimana perasaan anda apabila tiba-tiba menjadi seorang selebriti, bahkan terkenal di peringkat global?

Noor Hisham (NH): Sebenarnya, ia bukan tentang saya, bukan tentang Ketua Pengarah Kesihatan, dan bukan juga tentang jawatan ini. Saya dilantik sebagai Ketua Pengarah pada 14 November 2012, dan disahkan jawatan pada 1 Mac 2013. Selama bertahun-tahun, saya hanya menjalankan tugas saya. Mungkin perspektif masyarakat berubah pada awal 2020, apabila negara tidak mempunyai kerajaan pada waktu itu.

Kami terpaksa mengambil alih dan membuat keputusan segera. Saya perlu ke hadapan selama dua minggu kerana kerajaan ketika itu belum dibentuk. Banyak perkara yang perlu ditangani, termasuk membezakan antara perkara yang pasti dan perkara yang tidak menentu.

Ketika itu, ketakutan dalam kalangan masyarakat sangat tinggi. Jadi, kami perlu merangka strategi untuk menenangkan mereka. Kami memastikan setiap maklumat yang disampaikan adalah berdasarkan sains, fakta, dan data. Ini sama seperti seorang doktor menyampaikan berita kepada pesakit yang didiagnos menghidap kanser—bukan hanya memberitahu diagnosis tetapi juga membimbang mereka ke arah penyelesaian. Bezanya, dalam pandemik ini, pesakitnya adalah seluruh negara.

Pandemik Covid-19 memberi peluang kepada kita untuk bersatu sebagai satu masyarakat, menggunakan pendekatan “seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat”. Ini adalah kali pertama dalam hidup ramai orang bahwa kita menghadapi krisis kesihatan yang besar.

Selain isu kesihatan, ada juga krisis ekonomi. Apabila perintah kawalan pergerakan (lockdown) dikuatkuasakan, impaknya terhadap perniagaan sangat besar. Pada masa yang sama, negara juga menghadapi krisis politik. Jadi, bagaimana kita menangani semua ini serentak? Keutamaan kami adalah menenangkan masyarakat dan bertindak satu langkah pada satu masa. Dengan memahami tingkah laku virus ini, kita menyesuaikan langkah kita. Dari situlah kita membangunkan strategi berdasarkan data dan pemerhatian terhadap penyebaran Covid-19.

Dua Pendekatan dalam Mengawal Pandemik

OKB: Semua ini berlaku dalam keadaan ketidaktentuan global, di mana hampir tiada kepastian tentang virus ini.

NH: Betul. Ketika itu, kami sangat berhati-hati dalam merangka pendekatan yang sesuai. Terdapat dua pendekatan utama:

Pendekatan Imuniti Kelompok (Herd Immunity)

Ini adalah kaedah yang sangat berisiko tinggi. Ia membenarkan virus merebak dengan harapan masyarakat akan membina imuniti secara semula jadi. Namun, ia boleh menyebabkan kematian besar-besaran, terutama dalam kalangan golongan rentan. Ini adalah pendekatan yang diambil oleh Sweden dan UK pada awalnya, tetapi apabila kadar kematian meningkat secara mendadak, mereka terpaksa menghentikannya.

Pendekatan Pencegahan dan Kawalan

Kami mempunyai pengalaman menangani SARS dan MERS-CoV, jadi kami memilih untuk mengelakkan jangkitan daripada berlaku. Kami memulakan langkah dengan langkah-langkah kesihatan awam seperti: Memakai pelitup muka di tempat awam, penjarakkan fizikal, kerap mencuci tangan, mengelakkan tempat sesak dan ruang tertutup yang tidak mempunyai ruang keluar yang baik. Ketika itu, tiada vaksin dan masyarakat tidak mempunyai antibodi terhadap virus ini. Oleh itu, strategi awal kami sangat berbeza.

Meningkatkan Kapasiti Ujian dan Vaksinasi

NH: Kami tahu bahawa pematuhan masyarakat sangat penting, dan mereka perlu memahami sebab-sebab di sebalik setiap langkah yang diambil.

18 Mac 2020: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula.

April 2020: Penularan hampir berjaya dikawal.

Julai 2020: Tiga hari dengan kes sifar dicatatkan.

Namun, pematuhan mula menurun, dan kes kembali meningkat. Justeru, kami meningkatkan kapasiti ujian RTK Antigen untuk mengesan kes dengan lebih cepat:

Januari 2020: Kapasiti ujian hanya 1,000 sehari

Kini: Dengan RTK Antigen, kapasiti boleh mencapai 250,000 sehari. Selain itu, kami mempercepatkan proses vaksinasi:

Fasa Pertama: Barisan hadapan & golongan rentan

Fasa Kedua: Dewasa

Fasa Ketiga: Remaja & kanak-kanak

Berdasarkan data, strategi ini membolehkan kami membuka semula sektor ekonomi dan sosial sambil mengekalkan pematuhan awam.

tulis sebelum ini telah mula dilaksanakan, di mana perkhidmatan kesihatan dibawa terus ke rumah pesakit.

Dengan digitalisasi, kita boleh mencapai kesihatan awam yang lebih cekap, pantas dan inklusif.

Masa Depan: Hidup Bersama Virus

OKB: Adakah kita telah melepassi tahap terburuk pandemik ini?

NH: Kita berharap begitu. Namun, kita mesti bersedia menghadapi kemungkinan terburuk. Varian Omicron kurang teruk berbanding Delta. 99.5% kes Omicron hanya mengalami simptom ringan (Kategori 1 dan 2). Kes masuk ICU masih rendah (40% kapasiti digunakan). Namun, sekiranya muncul varian baharu yang lebih ganas, kita mungkin perlu kembali ke Langkah Pertama. Kami percaya, dengan kadar vaksinasi tinggi dan 3 juta individu telah pulih, kita boleh mengawal pandemik ini dan bergerak ke hadapan.

Dipetik dan diterjemahkan daripada wawancara Dato' Dr Ooi Kee Beng dan Tan Sri Dr Noor Hisham bin Abdullah(2022). Interview with Noor Hisham: A Digital Revolution in Healthcare Has Arrived in Malaysia. Penang Monthly, April Issue.

Digitalisasi dan Masa Depan Kesihatan Awam

OKB: Adakah sistem digital seperti MySejahtera akan menjadi alat kekal dalam pengurusan kesihatan awam?

NH: Ya, MySejahtera telah membawa transformasi besar:

Digunakan untuk pemantauan kes, boleh membantu dalam penyusunan temujanji vaksinasi, mampu meningkatkan kecekapan perkhidmatan kesihatan. Malah, konsep “Uberisation of Healthcare” yang saya



Dato' Dr Ooi Kee Beng merupakan Pengarah Eksekutif bagi Penang Institute. Dua buku terbaharu beliau merupakan sumbangan bitara dari pengalaman dan keilmuan mengenai pembinaan negara bangsa iaitu *The Reluctant Nation: Malaysia and Its Vain Quest for Common Purpose* (2024) dan *Signals in the Noise: Notes on Penang, Malaysia and the World* (2023).